

## SIARAN MEDIA

### TPM SERAH RM64 RIBU SANTUNI ANAK YATIM DAN PUSAT TAHFIZ

---

**KLUANG, 14 Mac** – Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berbuka puasa bersama lebih dua ribu masyarakat setempat pada Majlis Iftar Santunan Kasih Ramadan di Masjid Jamek, Layang-Layang malam ini.

Di majlis sama, Datuk Seri Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) **menyampaikan sumbangan duit raya dengan kerjasama Yayasan Anak Yatim Al-Husna, Bandar Penawar kepada 450 Anak Yatim Wilayah KEJORA merangkumi Daerah Kota Tinggi seramai 272 orang dan Kluang seramai 179 orang dengan peruntukan hampir RM50,000.**

Turut diserahkan geran sumbangan KEJORA berjumlah RM14,000 kepada tujuh Pusat Tahfiz Al-Quran yang berdaftar untuk membantu aspek pengurusan serta aktiviti riadah institusi itu.

KEJORA juga menyalurkan sumbangan tunai **bernilai RM500 kepada 90 buah masjid di Parlimen Simpang Renggam serta RM300 bagi setiap surau di Parlimen sama** bagi mengimarahkan masjid dan surau berkenaan sepanjang Ramadan.

Pusat Dalam Komuniti (PDK) di Wilayah KEJORA pula menerima sebanyak RM20,000 sumbangan geran pengurusan dan aktiviti untuk setiap 10 buah PDK.

Inisiatif KEJORA ini dalam membantu PDK menjalankan aktiviti kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk menjalani pemulihan agar mereka dapat mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan keluarga dan masyarakat

Program Iftar Santunan Kasih Ramadan anjuran KKDW tahun ini bermula di Kluang, Johor diikuti Tanah Merah, Kelantan; Dungun, Terengganu; Trolak, Perak; Nibong Tebal, Pulau Pinang; Labuan, Pendang, Kedah; Kuala Langat, Selangor dan berakhir di Bagan Datuk, Perak.

- TAMAT-

Disediakan Oleh  
Unit komunikasi Korporat  
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah  
14 Mac 2024